



IKLAN PERMOHONAN PENYEWAAN KILANG TANAMAN (PLANT FACTORY) DI PROJEK PERTANIAN MODEN (PPM) KLUANG, JOHOR


TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 2 DISEMBER 2024, JAM 5.00 PETANG

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777) atau Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) (Akta 502).
2. Permohonan syarikat/ koperasi hendaklah menyatakan aktiviti pertanian yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa melulus di dalam dokumen berikut:
 - (i) memorandum dan artikel syarikat; atau
 - (ii) undang-undang kecil koperasi.
3. Syarikat/ koperasi hendaklah telah beroperasi sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** dan mempunyai modal berbayar, aset semasa dan kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan yang berdaftar dengan jumlah minimum **RM500,000.00** semasa permohonan dibuat.
4. Keutamaan kepada pemohon yang telah mempunyai perjanjian pembekalan dengan mana-mana pihak ketiga yang diiktiraf dalam pasaran tempatan.
5. Pemohon hendaklah mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk menguruskan kilang tanaman.
6. Pemohon yang berjaya **diwajibkan** menghadiri kursus pengendalian kilang tanaman oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) kilang tanaman yang ditetapkan.
7. Keutamaan diberikan kepada jenis tanaman berikut:
 - (a) Sayuran berdaun (contoh: microgreens, kailan, sawi pak choy, salad green coral, salad red coral, salad romaine dan salad butterhead); dan
 - (b) Herba (contoh: daun selasih (basil))

MAKLUMAT KILANG TANANAM PPM KLUANG, JOHOR

1. Terletak di Pejabat Projek Pertanian Moden (PPM), KM13, Jalan Batu Pahat, 86000 Kluang, Johor.
2. Berkeluasan 153 meter persegi dengan kapasiti 10,000 pokok sayuran berdaun.
3. Kadar sewaan sebanyak RM4,400.00 sebulan atau RM52,800.00 setahun. Tempoh penyewaan adalah selama tiga (3) tahun dan boleh diperbaharui dengan tempoh maksimum keseluruhan sewaan adalah tidak melebihi 12 tahun.
4. Kilang tanaman PPM ini dilengkapi dengan:
 - (a) sistem tanaman hidroponik *deep flow technique* (DFT) bertingkat;
 - (b) pencahayaan lampu diod pemancar cahaya (LED)
 - (c) sistem pengairan dan pembajaan secara automasi;
 - (d) sistem kawalan dan pemantauan persekitaran;
 - (e) semua sistem diintegrasikan serta dikawal dan dipantau menggunakan Internet Benda (IoT);
 - (f) bilik semaian;
 - (g) ruang penggredan dan pembungkusan;
 - (h) bilik kawalan dan pemantauan; serta
 - (i) stor penyimpanan keperluan operasi.



Gambar: Susun atur rak tanaman dan kedudukan bilik stor, bilik kawalan, bilik semaian, ruang lobi dan lain-lain.

CARA PERMOHONAN

1. Pemohon yang berminat perlu mengemukakan Pelan Perniagaan yang mengandungi elemen-elemen seperti aspek teknikal projek, unjuran pengeluaran, keupayaan kewangan, kos projek, aliran tunai dan penyata untung rugi, sasaran pasaran, penggunaan tenaga kerja (tempatan/ asing) serta lain-lain aspek yang wajar. Perincian senarai semak seperti di **Lampiran A**.
2. Sebarang pertanyaan boleh berhubung melalui telefon di talian 03-8870 1990 / 03-8870 1667 atau melalui e-mel di alamat hazwan.awang@kpk.gov.my / farhan.azmi@kpk.gov.my.
3. Permohonan lengkap hendaklah dialamatkan ke alamat di bawah sebelum tarikh tutup permohonan:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pemodenan Pertanian (BPP)
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
Aras 4, Blok Podium 4G1, Wisma Tani
No. 28 Persiaran Perdana
62624 Presint 4
PUTRAJAYA

LAMPIRAN A

PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS PELAN PERNIAGAAN BAGI PENYEWAAN KILANG TANAMAN (PLANT FACTORY) DI PROJEK PERTANIAN MODEN (PPM) KLUANG, JOHOR

**Senarai semak ini hendaklah dilampirkan pada muka surat hadapan dokumen permohonan*

BIL.	PERKARA	SEMAK
1.	Kertas Rancangan Perniagaan	
	(i) Tujuan	
	(ii) Latar belakang projek	
	(a) Pengenalan	
	(b) Latar belakang syarikat/ koperasi	
	(c) Maklumat pelabur berkaitan projek (sekiranya ada)	
	(d) Pengalaman syarikat/ koperasi berkaitan pertanian atau kilang tanaman	
	(iii) Rancangan pengurusan	
	(a) Struktur organisasi	
	(b) Perincian Senarai Pasukan Teknikal Projek (<i>profile</i>)	
	(c) Penggunaan tenaga kerja (tempatan dan asing) beserta dokumen berkaitan	
	(iv) Rancangan operasi	
	(a) Unjuran pengeluaran 5 tahun	
	(b) Aspek teknikal projek	
	(c) Teknologi yang akan digunakan (selain kilang tanaman)	
	(d) Carta perbatuan/ <i>milestone</i> (termasuk pensijilan myGAP)	
	(v) Rancangan pemasaran	
	(a) Pasaran sedia ada (tempatan/ eksport)	
	(b) Sasaran pasaran (tempatan/ eksport)	
	(vi) Rancangan Kewangan	
	(a) Kos projek	
	(b) Keupayaan kewangan (disokong oleh Penyata Kewangan diaudit bagi tempoh dua tahun terkini, Penyata Bank sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terkini, aset semasa, kemudahan pembiayaan bank dan modal kerja)	
	(c) Aliran tunai/ <i>cash flow</i> untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun	
	(vii) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bersama dengan surat persetujuan pembekal teknologi (sekiranya ada)	
	(viii) Penutup	

BIL.	PERKARA	SEMAK
2.	Gambar projek sedia ada	☐
3.	Salinan dokumen terkini syarikat yang disahkan: (i) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/ Sijil Pendaftaran Koperasi (ii) Salinan dokumen Seksyen 78, <i>Return for Allotment of Shares</i> (Akta Syarikat 2016) (iii) Salinan dokumen Seksyen 58, <i>Notification of Change in the Register of Directors/ Officer</i> (Akta Syarikat 2016) (iv) Salinan Memorandum dan Artikel Syarikat (v) Salinan Undang-Undang Tubuh/ Kecil Koperasi Mardi- logo.svg	☐ ☐ ☐ ☐ ☐
4.	Sijil/ Dokumen lain yang berkaitan yang boleh menyokong permohonan (contoh: pengiktirafan, latihan, pencapaian dan lain-lain sekiranya ada)	☐

Nota:

- 1) Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar. Sekiranya dihantar secara kurier, bukti pos tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
- 2) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- 3) Keutamaan diberikan kepada pasaran tempatan.
- 4) Keutamaan diberikan kepada penggunaan tenaga kerja tempatan.